



**BERMARGA**...kayu balak dimuatkan dalam lori sebelum dipindahkan tanpa lesen dari kawasan Hutau Simpian Kabok, Maran.

# Tidak serik

## Lelaki dicekup kali ketiga pindah balak haram

■ Oleh Mohd Rafi Masat

**K**ANTAN: Dua kali dicekup dalam tempoh tiga tahun tidak menyumbangkan rasa serik bagi seorang lelaki berusia 30-an untuk terus aktif melakukan aktiviti memindahkan kayu balak pelbagai spesies secara haram.

Septean lelaki tersebut sekali lagi tempas apabila anggota Unit Pengawal Keselamatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menyempit 10 kayu spesies balak berkadat tiga dan empat meter di kawasan Hutau Simpian Pakat Kabok, Maran, yang telah dipindahkan, katanya.

Pengarah JPNP Datuk Mohd Fauz Kamaruzaman berkata, lelaki tersebut sememangnya berada dalam senarai perhutanan unit pengawal, nama dan dabel antara in-

divida yang aktif melakukan aktiviti memindahkan kayu tanpa lesen.

Menurutnya, ini kali ketiga pihak berkuasa menahan lelaki tersebut yang menggunakan pelbagai teknik untuk memperlukakan kayu berkualiti tinggi dari kawasan hutan simpian di beberapa daerah di negeri ini.

"Untuk lelaki tersebut memindahkan 10 kayu balak bernilai RM7,000 dari kawasan hutan ini kali ini tidak berhasil apabila legatannya diikat anggota Unit Pengawal Keselamatan JPNP."

"Yang diikatkan bersama lelaki tersebut ialah pemandu lori berusia 60-an. Kita juga menyempit sebuah traktor yang digunakan untuk memuat kayu dari dalam kawasan hutan," katanya.

Katanya, kali pertama lelaki tersebut diikat pada 2007 ketika memindahkan

kayu balak di kawasan hutan di Cenderawasih, Komplek, masalah kali kedua di Hutau Simpian Berkebek, di sini, pada 2009.

Mohd Fauz berkata, usaha membendung aktiviti memindahkan kayu balak tanpa lesen akan terus dipertingkatkan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Orang Asli, pemburu dan mereka yang mempunyai legatatan berkenaan.

"Kami tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dengan kegiatan berkenaan, mereka hendaklah akan didakwa mengikut undang-undang."

Kegiatan membawa keluar hasil hutan secara haram menyebabkan kerugian besar kepada negeri, kata menyua pihak yang bertanggungjawab kegiatan berkenaan supaya menyebarkan maklumat kepada kita," katanya.